KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# PELAKSANAAN SEMAKAN TAMBAHAN *(SECOND VALIDATION)*

## GPANM BIL 3 TAHUN 2021

*JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA CAWANGAN TAWAU*

# PENGENALAN

- Kerajaan telah melaksanakan 99 peratus kaedah pembayaran melalui EFT yang membolehkan proses pembayaran Kerajaan dilaksanakan dengan lebih cepat dan cekap.
- Kaedah Pembayaran adalah seperti berikut:

| | |
|---|---|
| Intra-Bank Credit Transfer | • Pemindahan dana elektronik dari satu akaun bank ke akaun bank yang lain dalam **institusi perbankan yang sama.** |
| Inter-Bank Credit Transfer | • Pemindahan dana elektronik dari satu akaun bank ke akaun bank yang lain dalam **institusi perbankan yang berlainan.** |
| Rentas | • Sistem Pemindahan Dana dan Sekuriti **secara Elektronik Masa Nyata** yang melibatkan pindahan dana antara bank **bernilai lebih RM20,000 dan dilengkapi dengan Semakan Tambahan** semasa proses pindahan dibuat. |

# TAKRIFAN : SEMAKAN TAMBAHAN

- Kaedah **pengesahan tambahan** yang berlaku di **sistem bank penerima bayaran (bank benefisiari).**
- Proses **pengesahan identiti** penerima bayaran akan dibuat berdasarkan kepada **nombor akaun bank** dan **nombor pendaftaran entiti** yang terdapat dalam iGFMAS dan sistem bank.




| | | | |
|---|---|---|---|
| IBG | ✓ Nombor Akaun Bank<br>✓ Nombor Pendaftaran Entiti | ✓ Nombor Akaun Bank<br>✓ Nombor Pendaftaran Entiti | ✓ |
| RENTAS | ✓ Nama<br>✓ Nombor Akaun Bank<br>✓ Nombor Pendaftaran Entiti | ✓ Nama<br>✓ Nombor Akaun Bank<br>✓ Nombor Pendaftaran Entiti | ✓ |

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# TAKRIFAN: NOMBOR PENDAFTARAN ENTITI

| | NOMBOR PENDAFTARAN ENTITI |
|---|---|
| 1. | No. Kad Pengenalan Baharu |
| 2. | No. Tentera |
| 3. | No. Pendaftaran Syarikat |
| 4. | No. Pendaftaran Perniagaan |
| 5. | No. Passport |
| 6. | No. Pendaftaran Pertubuhan |
| 7. | No. Pendaftaran Koperasi |
| 8. | No. Pendaftaran Masjid/Surau |
| 9. | No. Pendaftaran Yayasan |
| 10. | No. Pendaftaran PBT, Badan Berkanun |

| | PENERIMA BAYARAN |
|---|---|
| 1. | Individu |
| 2. | Tentera |
| 3. | Syarikat |
| 4. | Pertubuhan |
| 5. | Sekolah/Universiti/Institusi |
| 6. | Yayasan |
| 7. | Koperasi |
| 8. | PTJ |

# Faedah Pelaksanaan Semakan Tambahan (Second Validation)

Meminimakan kesilapan bayaran kepada penerima yang tidak tepat melalui semakan tambahan nombor pendaftaran entiti yang terdapat pada sistem pembayaran Kerajaan dan sistem bank

Pemalsuan tuntutan dapat dikesan lebih awal sebelum pembayaran dibuat kepada penerima bayaran

Meminimakan risiko penyelewengan dan kehilangan wang awam.

Mengukuhkan integriti proses pembayaran Kerajaan selaras dengan pemboleh daya Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 berkaitan Tadbir Urus dan Integriti

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# Implikasi Perbezaan Nombor Pendaftaran di iGFMAS dan di Sistem Bank

## Implikasi Perbezaan Nombor Pendaftaran di iGFMAS dan di Sistem Bank

**01** Kegagalan padanan akan menyebabkan **EFT ditolak** dan **bayaran gagal dikreditkan** ke akaun Penerima Bayaran.

**02** Penerima Bayaran perlu **mengemaskini maklumat** nombor pendaftaran entiti **sebelum proses penggantian bayaran** boleh dilaksanakan – bagi mengelakkan EFT ditolak.

**03** Risiko tuntuan lewat diterima oleh Penerima Bayaran.

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# STRATEGI PELAKSANAAN

**FASA 1**

**PERMURNIAN DATA**

TEMPOH 1: Sehingga April 2022

-Penerima bayaran sedia ada cut off 31 Ogos 2022

-Penerima bayaran selepas cut off 31 Ogos 2022

-Penerima bayaran baru

TEMPOH 2: Secara berterusan semua Penerima Bayaran

**FASA 2**

**PELAKSANAAN**

-Pelaksanaan akan diperincikan dengan Arahan Operasi yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa

-Pelaksanaan bermula September 2022

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

- Pastikan makluman dibuat kepada semua Penerima Bayaran untuk menyemak maklumat nombor pendaftaran entiti di sistem pembayaran Kerajaan dan Bank adalah betul dan tepat seperti dokumen yang disahkan. Sekiranya terdapat perbezaan, Penerima Bayaran adalah bertanggungjawab mengemaskini maklumat nombor pendaftaran sama ada di sistem Pembayaran Kerajaan dan/atau Bank mengikut dokumen pendaftaran yang sah
- Pastikan Penerima Bayaran baharu didaftarkan dengan nombor pendaftaran entiti yang tepat berdasarkan dokumen yang sah sebelum transaksi bayaran dilaksanakan
- Pantau kadar penolakan EFT dan prestasi penggantian EFT bagi memastikan bayaran dapat dibuat kepada Penerima Bayaran dengan segera selaras dengan peraturan yang berkuat Kuasa
- Pastikan pengurusan perubahan berkaitan pelasanaan Semakan Tambahan ini dilaksanakan secara berterusan.

KEMENTERIAN KEWANGAN
JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA

# TANGGUNGJAWAB PTJ

Semak nombor pendaftaran entiti Penerima Bayaran, berbeza :

- Pengemaskinian di bank penerima bayaran dan/atau
- Pengemaskinian di sistem pembayaran Kerajaan dengan dokumen lengkap.

Menyemak bukti pengesahan bank yang dikemukakan oleh Penerima Bayaran (bukti pengemaskinian telah diambil tindakan oleh bank).

Tindakan mengemaskini maklumat Penerima Bayaran di Portal iGFMAS dan/atau kemukakan dokumen yang sah untuk tindakan pengemaskinian oleh Pejabat Perakaunan.

Bagi penolakan EFT, maklumkan kepada Penerima Bayaran untuk menyemak dan kemaskini Maklumat di bank dan/atau disistem kerajaan.

Memproses penggantian EFT dalam tempoh tujuh hari setelah dokumen sokongan lengkap diterima

Pengendalian EFT ditolak mematuhi Lampiran F : Garis Panduan Tatacara Pengurusan Pindahan Dana Elektronik (EFT) Ditolak/Cek Terbatal dalam SPANM Tatacara Pengurusan Bayaran.

Pastikan Penerima Bayaran baru di daftarkan dengan nombor pendaftaran entiti yang tepat mengikut dokumen yang sah.

Pastikan dokumen disimpan selamat selaras peraturan berkuatkuasa bagi rujukan pihak berkepentingan.

# SEKIAN TERIMA KASIH